



**SURAT PEKELILING  
KETUA HAKIM SYARIE NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2020**

**PANDUAN PENGENDALIAN KES  
DI MAHKAMAH SYARIAH KEDAH DARUL AMAN  
BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Negeri Kedah Darul Aman bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan (Keselamatan) Yang Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob pada 7 November 2020, semua kes yang ditetapkan pada 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020 di semua Mahkamah Syariah di Negeri Kedah Darul Aman adalah berjalan sepertimana yang telah ditetapkan.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSNK) telah menetapkan panduan pengendalian kes adalah seperti berikut:

**1. Perbicaraan / Pendengaran / Sebutan / Pengurusan Kes Mal dan Jenayah**

Perbicaraan / Pendengaran / Sebutan / Pengurusan Kes melibatkan pelanggan Mahkamah Syariah adalah berjalan sepertimana yang telah ditetapkan.

**2. Prosiding Majlis Sulh / Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga / Majlis Tahkim / Pelaporan Jawatankuasa Pendamai**

Penjadualan semula semua Prosiding Majlis Sulh / Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga / Majlis Tahkim / Pelaporan Jawatankuasa Pendamai.

### **3. Pendaftaran dan Pemfailan Kes Mal dan Jenayah**

Pendaftaran dan pemfailan adalah secara temujanji seperti berikut:

- i. panggilan telefon kepada Pegawai Bertugas sepertimana yang tertera di dalam laman sesawang <https://syariah.kedah.gov.my/>; atau
- ii. melalui **QR Code** di laman sesawang <https://syariah.kedah.gov.my/>

Hanya pelanggan yang menerima pengesahan kehadiran melalui **mysms** sahaja dibenarkan hadir.

### **4. Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Hakim Syarie hendaklah memastikan pengamalan SOP Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 yang telah dikeluarkan sebelum ini dipatuhi sepenuhnya.

#### **Kuatkuasa**

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020.

**YANG AMAT ARIF  
KETUA HAKIM SYARIE**

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
8 NOVEMBER 2020**